

Program Matematik Kumon lahir individu cemerlang

Penguasaan asas bantu pelajar kuasai topik algebra, kalkulus

SUDAH banyak diperkatakan tentang program Matematik Kumon yang mampu mendidik pelajarinya menyerlah di sekolah mahupun dalam aktiviti lain. Apa yang sering terlintas di minda ibu bapa adalah mengapa Kumon sangat menitikberatkan penguasaan pengiraan seperti penambahan, penolakan, pendaraban, pembahagian dan pecahan di peringkat rendah. Operasi asas ini mungkin mudah bagi sesetengah pihak tapi tidak pada yang lain. Bagi kebanyakan pelajar, memikirkan mengenai pengiraan melahirkan emosi yang negatif. Ini berlaku kerana mereka belum menguasai kemahiran asas Matematik.

Disebabkan itulah Kumon sangat mengutamakan penguasaan asas Matematik untuk membolehkan pelajar membuat topik algebra dan kalkulus di peringkat tinggi dengan mudah. Ternyata, Kumon mempunyai pandangan jauh dalam perancangan pembelajaran anak anda.

Namun, penting untuk diingatkan bahawa pengiraan bukan saja membabitkan operasi asas. Ia merangkumi empat operasi, pecahan, perpuluhan, persamaan, pemfaktoran, pembezaan dan pengamiran kalkulus. Kemahiran diperolehi daripada topik berkenaan adalah sebagai persediaan untuk topik yang lebih sukar di tingkatan empat hinggalah ke peringkat

prauniversiti.

Tetapi, bagaimanakah Matematik dapat memupuk kemahiran dan ciri-ciri itu? Apakah kaitannya? Jawapannya ada pada cara kertas kerja Kumon distruktur dan sebab di sebaliknya.

Kertas kerja Kumon adalah nadi Kaedah Pembelajaran Kumon. Ia melalui banyak semakan dalam masa lebih 50 tahun Program Matematik Kumon direka bertujuan memberi yang terbaik kepada pelajar. Program Matematik Kumon mempunyai 21 peringkat; peringkat terendah untuk peringkat prasekolah mengandungi topik pengenalan nombor dan peringkat tertinggi mengandungi topik aplikasi pengamiran.

Matlamat program adalah untuk membina kemahiran membantu pembelajaran Matematik menengah tinggi. Disebabkan ini, kertas kerja hanya mengandungi topik penting untuk mencapai matlamat itu.

Pengasas, Toru Kumon, tahu apa yang perlu dimasukkan pada peringkat terakhir Kumon Matematik sebelum membuat struktur peringkat sebelumnya. Bila kertas kerja Kumon dicipta, beliau memikirkan untuk membolehkan pelajar mempelajari peringkat terakhir.

Dengan kata lain, untuk pelajar memahami peringkat seterusnya, mereka perlu cekat di peringkat semasa terlebih dulu.



KUMON mempunyai pandangan jauh dalam perancangan pembelajaran anak anda.

Hasilnya, kertas kerja Kumon berhubung kait antara satu peringkat dengan peringkat seterusnya. Maka, kertas kerja direka langkah demi langkah supaya pelajar boleh belajar latihan contoh yang diberi dan menjawab soalan yang berikutnya dengan mudah dan jelas. Hanya bimbingan minimal diperlukan.

Visi Kumon bukan hanya untuk membantu pelajar memasuki universiti. Aspirasi beliau adalah untuk melahirkan anak muda yang berwasan dan berdikari, bukan

setakat memiliki kemahiran akademik yang tinggi.

Hasilnya, mereka membina keyakinan diri dan kematangan; dua keperibadian penting di sekolah dan tempat kerja. Ini meyakinkan mereka bahawa semuanya boleh dicapai jika mereka mencuba!

Ini adalah aspirasi sebenar Kumon. Jika anda mempunyai aspirasi yang sama seperti Kumon, hubungi 1800 88 1010. Atau layari www.kumon.com.my untuk butiran lanjut.